



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PELANCARAN LOGO BELANJAWAN 2021

Kementerian Kewangan Malaysia dengan sukacitanya ingin mengumumkan pelancaran logo rasmi sempena Belanjawan 2021. Reka bentuk logo ini menggabungkan tiga elemen iaitu warna ungu sebagai warna utama, motif corak batik serta Jalur Gemilang, dan huruf serta angka yang berciri moden, profesional dan ringkas. Rasional terperinci logo dilampirkan bersama dan panduan penggunaan boleh diperolehi di laman sesawang belanjawan2021.treasury.gov.my.

B E L A N J A W A N



Belanjawan 2021 mempunyai tiga matlamat utama yang bertujuan untuk melindungi, memulih dan menjamin (i) Kesejahteraan Rakyat, (ii) Kelangsungan Perniagaan, dan (iii) Ketahanan Ekonomi, dan bakal dibentangkan pada 6 November 2020 oleh YB Menteri Kewangan.